

PENDEKATAN TAGHRĪB DAN TARHĪB DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH

Syed Abdurahman bin Syed Hussin *

Abstract

The paper attempts to elaborate the concept of taghrib and tarhib as methods of approach in dakwah to three groups of people: the intellectuals, the public and the antagonist. In the paper, taghrib is defined as inculcating inclination or persuasion and tarhib as indicating danger or warning. The two approaches should be effectively applied as the situation warranted and in the implementation the methods of al-hikmah (wisdom), maw'izah hasanah (advice) and mujadalah bi al-husna (dialog) should be considered and appropriately used. Some evidences from the Quran and incidents in history are used to clarify certain points in discussion.

MUKADIMAH

Kebolehan dan kecekapan dalam mengolah isi dakwah dan menyampaikannya dengan gaya yang menarik sesuai dengan sasaran yang ditujukan isi dakwah amat diperlukan oleh pendakwah, sebagaimana dakwah itu sendiri memerlukan pendakwah. Ia ibarat anak kunci yang dengannya pendakwah dapat membuka penutup hati dan akal sasaran. Tanpa *uslūb* (pendekatan) penyampaian yang baik dan menarik sesuai dengan suasana dan keadaan sasaran, pendakwah menjadi lemah untuk berdakwah dengan berkesan, meskipun dia memiliki ilmu yang banyak yang dapat diberikan pada bila-bila masa. Ini kerana ilmu dan makrifah merupakan satu sifat, bahkan keperluan asasi pendakwah serta merupakan satu bahagian dari keseluruhan bahagian yang saling menyempurnakan identiti pendakwah. Dalam menjelaskan hal ini, Syaikh Muhammed Ibrāhīm Syaqrah menyatakan:

“Sesungguhnya dakwah bukanlah satu seni kepandaian yang dapat diusahakan sebagaimana seni-seni yang lain, tetapi membentangkan

* Syed Abdurahman Syed Hussin, Ph.D, pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Cawangan Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

dakwah adalah satu seni utama yang menjadi kewajipan ke atas pendakwah mengelok serta menghalusinya bagi membolehkannya melaksanakan tanggungjawab dakwah. Isi dakwah yang terdiri dari hukum hakam dan perundangan, peraturan-peraturan dan akidah, akhlak dan muamalah serta lain-lain, mungkin boleh dibaca melalui beberapa baris perkataan yang ditulis, tetapi ianya tidak memberi pengaruh dan kesan ke atas pembacanya sebagaimana kesan pengolahan dan pembentangan yang baik. Bahkan boleh jadi pembentangan yang baik menguasai tiga suku dari kesan yang mempengaruhi seseorang berbanding dengan sesuku lagi bagi memahami dan meneliti secara cermat kepada prinsip-prinsip dakwah dan syariah.”¹

Pendakwah adalah mereka yang meletakkan dirinya untuk menjadi jurubicara Islam kepada manusia. Manusia pula terdiri dari kalangan yang menganut pelbagai anutan, mengamalkan pelbagai cara hidup, berlainan sifat, berbeza pemikiran mengikut perbezaan anutan, perbezaan pencapaian masyarakat dalam bidang ilmu serta keupayaan individu manusia menanggapi ilmu. Dengan itu, masyarakat bertamadun berbeza dari masyarakat mundur. Masyarakat bandar berbeza dari masyarakat kampung, nelayan berbeza dari pekerja kilang, pelajar berbeza dari pekerja, masyarakat komunis berbeza dari masyarakat yang mengamalkan demokrasi dan masyarakat Islam, begitulah seterusnya.²

Selain dari perbezaan tersebut, pendakwah juga perlu menyedari bahawa tujuan dakwahnya adalah untuk menarik manusia beriman dengan risalah Islam. Iman pula merupakan perkara yang berkait rapat dengan fikiran dan jiwa manusia. Dengan itu penyampaian pendakwah mestilah dengan *uslūb* yang dapat meyakinkan fikiran dan memuaskan jiwa manusia.

Oleh kerana pendakwah perlu meletakkan di hadapannya segala perkara di atas dalam membentuk *uslūb* yang baik berdasarkan kelainan sasaran yang dihadapinya, maka *uslūb* dakwah dengan sendirinya bersifat pelbagai berdasarkan kepelbagaiannya sasaran. Dengan itu, terdapat di sana *uslūb* yang menggabungkan antara pujukan dan penggerunan (*targhib* dan *tarhib*), *uslub* penceritaan, membawa perumpamaan, peringatan dengan janji baik dan janji



¹ Syaikh Muḥammad Ibrāhīm Syaqrāh (1983), *Rakā'iz al-Da'wah fi al-Qurān*, cet 1. Ammān, h. 32.

² Syaikh 'Ali bin Ṣalīḥ al-Mursyid (1989), *Mustalzamāt al-Da'wah fi 'Aṣr al-Hadīth*, cet 1. Kaherah: Maṭba'ah al-Hijr, h. 147.

buruk, menunjuk kepada perkara lebih penting, gurau senda, dialog dan soal jawab, mengambil peluang dari sesuatu keadaan, mengajar melalui perbuatan dan lain-lain lagi.³ Penulisan ini akan menghuraikan pendekatan *taghrīb* dan *tarhib*, maksud, kepentingan dan kesannya dalam penyampaian dakwah.

TAGHRĪB DAN TARHĪB DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH


Perkataan *taghrīb* dan *tarhib* adalah dari bahasa Arab. *Taghrīb* berpangkalkan perkataan “*raghiba*” yang bererti gemar atau inginkan sesuatu. Dikatakan saya gemar kepada sesuatu, maksudnya saya inginkannya.⁴ Firman Allah SWT dalam surah *al-Insyirah*:

فَإِذَا فَرَغْتَ فَأَنْصَبْ  وَإِلَى رَبِّكَ فَارْغِبْ 

Maksudnya: “Kemudian apabila engkau telah selesai (dari sesuatu *amal*), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan *amal saleh* yang lain), dan kepada Tuhan mu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingin).”

Dikatakan “tidak gemar sesuatu” maksudnya merasa lekeh dan tidak mengingininya.

Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah*:

وَمَنْ يَرْغُبْ عَنْ مِلَةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفَهَ نَفْسَهُ 

Maksudnya: “Tidak ada orang-orang yang membenci agama Nabi Ibrahim selain dari orang-orang yang membodohkan dirinya sendiri.”

Maksud *taghrīb* pada istilah pula ialah setiap perkara yang dapat mendorongkan keinginan sasaran serta menggalak, menggemarkan dan meransang mereka untuk menerima kebenaran dan berada tetap di atasnya.⁵

Taghrīb pada istilah syara’ ialah “menggalakkan manusia beribadat kepada Allah, membuat kebaikan, melakukan amal soleh, berakhlak mulia, dan

³ ‘Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān (1986), *Kayfa Yad‘ū al-Dā’iyah*, cet 3. Beirut: Dār al-Salām, h. 117-133.

⁴ Tawfiq al-Wā‘il (1986), *al-Da‘wah Ila Allāh: al-Risālah, al-Wasiyah al-Hadaf*. Kuwait, h. 199.

⁵ ‘Abd al-Karīm Zaydān (1967), *Uṣūl al-Da‘wah*. Baghdad: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, h. 421.

melakukan segala perkara yang diperintahkan Allah dalam kitabNya dan melalui lidah RasulNya serta memimpin manusia ke arah tersebut dengan dorongan ingin mendapatkan apa yang telah dijanjikan Allah dengan balasan yang baik serta pahala yang banyak di dunia dan akhirat.”⁶

Tarhib pula berpangkalkan perkataan “*rahaba*” yang bererti takut atau gerun. *Tarhib* bermaksud memberikan rasa gerun dan menakut-nakutkan dengan perkara buruk.⁷

Tarhib pada istilah ialah “setiap perkara yang menggerunkan dan mengingatkan sasaran terhadap akibat tidak menerima kebenaran atau tidak berterusan di atasnya.”⁸

Pada istilah syara’ pula *tarhib* bermaksud “menakutkan orang ramai dari menjauhi diri dengan Allah, mensia-siakan fardu-farduNya, cuai dalam menunaikan hak-hakNya serta hak-hak hambaNya dengan melakukan perkara yang ditegah Allah dari perbuatan jahat dan keji dalam apa-apa bidang kehidupan. Menarik manusia supaya tidak melanggar batas-batas Allah dengan cara penggerunan melalui perkara yang disediakan oleh Allah kepada sesiapa yang menderhakai dan menyalahi *manhaj*Nya dengan azab di dunia dan akhirat.”⁹

Kedua-dua *uslub* ini juga dipanggil atau dinamakan dengan *tabsyir* (memberi berita gembira) dan *tanzir* (memberikan berita yang berbentuk amaran serta peringatan). *Tabsyir* dan *tanzir* telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an sebagai tugas rasul dan juga merupakan tugas para pendakwah yang mewarisi tanggungjawab rasul dalam memandu umat ke arah kebaikan. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿١٤﴾ وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ
وَسِرَاجًا مُنِيرًا

Maksudnya: “Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umat mu), dan pembawa berita gembira (kepada

⁶ Yūsuf al-Qaradāwī (1993), *al-Muntaqa min Kitāb al-Taghrīb wa al-Tarhib li al-Minziri*, cet 1. Kaherah: Dār al-Wafa’, juz 1, h. 9.

⁷ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *op.cit*, h. 421.

⁸ *Ibid.*

⁹ Yūsuf al-Qaradāwī, *op.cit*, juz 1, h. 9-10.

orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan tawfiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi.” (al-Ahzab, 33: 45-46)

KEPENTINGAN *USLŪB TARGHĪB DAN TARHĪB* DALAM PENYAMPAIAN PENDAKWAH.

Kedua-dua jenis *uslūb* ini merupakan *uslūb* al-Qur'an dalam menyelesaikan masalah kejiwaan manusia. Ini kerana telah diakui bahawa naluri gemar serta gerun dan takut merupakan dua naluri yang berbentuk fitrah pada manusia. Dengan itu, menjadi sifat semula jadi manusia sukakan kepada perkara yang memberikan manfaat dan kebaikan kepadanya dalam kehidupan dunia, apalagi dalam kehidupan dunia dan akhirat. Manusia akan berusaha menjauhkan diri dari perkara yang menyusahkan dan merugikannya dengan mengelakkan diri dan berjaga-jaga dari perkara yang boleh membawa kepada akibat buruk dalam kehidupan dunia yang pendek ini, apalagi dalam kehidupan akhirat yang kekal abadi.

Pada kenyataan, di sana terdapat banyak faktor yang menyekat manusia dari kebaikan dan mendorongnya kepada kejahatan. Faktor itu sama ada berbentuk luaran atau dalaman diri manusia sendiri. Faktor dalaman ialah, dorongan atau runtunan syahwat dan kemahuan yang terdapat dalam diri yang merupakan naluri dan dorongan semula jadi manusia, misalnya kasihkan diri, ingin kekal di dunia selamanya, inginkan kuasa, ingin memiliki harta yang banyak dan ingin kepada seks dan lain-lain lagi. Perkara ini telah diisyaratkan oleh al-Qur'an melalui pernyataan isteri raja Mesir, sebagaimana yang difirmankan Allah dalam surah Yusuf:

وَمَا أَبْرَئُ نَفْسِي إِنَّ الْأَنْفُسَ لَمَّا مَرَأَتُهُ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيْ

Maksudnya: “*Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh tuhanku.*” (Yusuf, 12: 53)

Dalam menjelaskan naluri manusia yang gemar kepada keseronokan dan mata benda dunia serta kecenderungan berlumba-lumba untuk mendapatkannya, Allah SWT menyatakan dalam firmanNya:

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنْطَبِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ
الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرْثُ ذَلِكَ مَتَّعُ الْحَيَاةِ
الْدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَعَابِ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu iaitu; perempuan-perempuan dan anak pinak; harta benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).” (Ali ‘Imran, 3: 14)

Rasulullah s.a.w juga menyebut bahawa jalan untuk mencapai syurga diranau dengan perkara-perkara yang dibenci oleh keinginan dan nafsu rendah manusia yang cintakan keseronokan sementara untuk memenuhi tuntutan jasadnya semata-mata, sedangkan tuntutan jasad itu hanya dikecapi dalam kehidupan dunia yang sekejap ini sahaja. Manakala neraka yang merupakan tempat penyeksaan yang kekal abadi dihiasi dengan perkara yang disukai oleh nafsu syahwat manusia. Sabda Baginda s.a.w:

حُفْتُ الْجَنَّةَ بِالْمَكَارِهِ وَحُفْتُ النَّارِ بِالشَّهَوَاتِ

Ertinya: “Dihiasi syurga itu dengan perkara-perkara yang dibenci dan dihiasi neraka dengan perkara-perkara yang disukai oleh diri.”¹⁰

Faktor luaran pula ialah pengaruh syaitan yang menggoda manusia agar menderhakai Allah melalui pengeliruan serta mendorong nafsu keinginan yang rendah ke arah perbuatan-perbuatan maksiat yang menggugat keimanan mereka.

Selain dari itu, terdapat manusia yang bersifat syaitan yang disebut al-Qur'an dengan “syayāṭīn al-ins.” Kadang-kadang mereka lebih jahat dari syaitan jin dalam menghalang manusia mentaati Allah SWT. Di samping itu,

¹⁰ Muslim bin Ḥajjāj al-Qusyayrī (1980), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Saudi: Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irsyad, Kitab “sifat al-jannah”, bab “huffat al-jannah bi al-makarīh”, no hadis: 1969.

dunia dengan segala keseronokan, perhiasan, perlumbaan dalam menghasilkan pangkat, harta dan anak pinak juga merupakan faktor yang boleh menjadikan manusia tersasul dari jalan Allah dan terjerumus ke dalam kederhakaan terhadapNya. Semua halangan ini menjadikan manusia perlu kepada kemahuan yang kental, keazaman yang jitu serta dorongan yang kuat yang memungkinkannya menghadapi segala halangan dan godaan. Dari sinilah *uslūb targhib* dan *tarhib* membekalkan kekuatan yang diperlukan dalam menghadapi pertarungan di medan pertempuran antara hak dan batil, antara kejahatan dan kebaikan.¹¹

Dalam menjelaskan kenyataan di atas, Allah SWT telah menyatakan perkara tersebut melalui firmanNya:

أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَلَهُ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنُكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي
الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ بَنَاهُ ثُمَّ هَبَّيْحَ فَتَرَكُهُ مُصْفَرًا
ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتْنَعُ الْغُرُورِ

Maksudnya: “*Ketahuilah bahawa* (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain melainkan (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah antara kamu dengan kelebihan-kelebihan, kekuatan, dan bangga keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semua itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.” (al-Hadid, 57: 20)

¹¹ Yūsuf al-Qarādāwī, *op.cit*, h. 9-10.

Selain dari asas kejiwaan di atas, yang lebih utama menjadi asas yang dibina di atasnya *uslūb targhib* dan *tarhib* ialah asas keagamaan iaitu keyakinan kepada ganjaran baik dan balasan buruk. Ganjaran baik yang dijanjikan Allah bagi sesiapa yang beriman denganNya serta melakukan ketaatan. Balasan buruk bagi yang tidak beriman atau engkar, menentang serta menderhakaiNya.

Kedua-dua jenis ganjaran di atas menjadikan *uslūb* ini sebagai *uslūb* paling berjaya dalam mengubati jiwa manusia. Dengan itu al-Qur'an menjadikannya pendekatan utama dalam berdakwah kepada sasaran, memberikan peringatan kepada mereka serta memperlihatkan kepada mereka tentang kesudahan yang dituju dalam urusan mereka, sama ada baik atau buruk.¹²

SASARAN *USLŪB TAGHRĪB DAN TARHĪB*

Dalam al-Qur'an, terdapat tiga asas *uslūb* dakwah yang dinyatakan melalui ayat 125 dari surah *al-Isrā'*, iaitu *al-hikmah* (bijaksana), *maw'izah hasanah* (nasihat yang baik) dan *mujādalah bi al-husna* (berdialog dengan cara yang lebih baik).

Semua pendekatan ini boleh ditujukan kepada berdasarkan hakikat bahawa manusia memiliki akal yang boleh menilai dan berfikir dengan baik. Mereka juga memiliki perasaan dan sentimen yang halus melalui sentuhan hati serta kadang-kadang memberontak dan menentang. Namun para ulama telah membuat penghalusan dan pendekatan terhadap penggunaan ketiga-tiga asas *uslūb* ini kepada tiga kelompok manusia. Keadaan ini berdasarkan kepada pembahagian manusia dalam tiga kelompok utama iaitu golongan cendekiawan atau cerdik pandai yang terdiri dari ilmuwan dan *hukamā'*, seterusnya kumpulan orang awam yang tidak membantah dan menentang serta tidak sampai ke peringkat cerdik pandai dari sudut keilmuan dan kecerdasan akal, dan kumpulan terakhir iaitu yang membantah dan menentang.¹³ Mereka

¹² Muḥammad Khayr Ramadān Yūsuf (1414H), *al-Da'wah al-Islāmiyyah al-Wasā'il wa al-Asālib*. Riyāḍ: Dār al-Tuwā'iq, h. 99.

¹³ Lihat al-Imām al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad (1971), *al-Iqtisād fī al-I'tiqād*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad 'Alī Šubaiḥ wa Awlāduh, h. 40; Ibn Taymiyyah, *Mi'rāj al-Wusūl*, h. 14; Fakhr al-Rāzī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Umar b. Ḥusayn al-Qurasyī al-Ṭabaristānī (t.t) *Tafsīr al-Kabīr*. Kaherah: Maṭba'ah al-Bahiyyah, juz 3, h. 139-140.

menyatakan bahawa *uslūb al-hikmah* lebih sesuai digunakan untuk mendakwahkan golongan cendekiawan dan cerdik pandai yang terdiri dari para ilmuwan, pakar-pakar dalam pelbagai bidang ilmu dan golongan professional. Mereka ini lebih banyak berinteraksi melalui akal berbanding penggunaan sentimen yang menyentuh perasaan halus mereka. Meyakinkan mereka perlu kepada penggunaan ilmu, dalil yang logik berdasarkan fakta dan kenyataan yang kukuh serta carta-carta dan angka-angka juga hasil uji kaji yang tepat.¹⁴

Golongan kedua ialah orang awam yang tidak berpendidikan tinggi yang mana jiwa mereka kurang bercahaya, persediaan dan kemampuan berfikir mereka lemah berbanding golongan pertama, dan mereka amat suka kepada perkara-perkara yang dapat ditanggapi dengan pancaindera. Mereka juga amat terikat dengan lambang dan tradisi serta terbatas dalam tingkatan dalil, walaubagaimanapun mereka tidak termasuk dalam kelompok yang menentang. Mereka ini perlu diseru dengan *maw'izah al-hasannah* iaitu dengan dalil yang lebih menjurus kepada menggerakkan perasaan halus, sentimen dan fitrah semula jadi mereka.¹⁵

Berurusan dengan kumpulan ini serta berusaha menyeru mereka amat payah kerana keadaan mereka adalah seperti orang yang mula-mula belajar membaca dan menulis. Segala kesusahan atau penjelasan yang sulit boleh memalingkan mereka dari dakwah. Mereka tidak boleh dilontarkan dengan permasalahan yang rumit dan payah, huraian-huraian terperinci, dalil-dalil yang sukar difahami serta peraturan yang berbagai-bagai. Memanfaatkan usaha untuk memenuhi keperluan mereka yang khusus dan asas serta suasana hidup mereka yang dijalani secara rutin adalah merupakan saluran paling dekat untuk menguasai hati mereka. Contoh yang diambil dari persekitaran adalah merupakan contoh yang mudah difahami. Mereka lebih banyak dikuasai oleh sentimen dari akal. Oleh itu *uslūb* yang paling sesuai bagi mereka adalah *maw'izah* (nasihat yang baik). Penggunaan *targhib* dan *tarhīb* memberi pengaruh yang besar kepada jiwa mereka. Cerita-cerita dan perumpamaan yang diambil dari persekitaran atau yang ada hubungan dengan kehidupan harian mereka amat mempengaruhi mereka. Antara perkara yang menguatkan keinginan serta semangat mereka ialah cerita orang-orang saleh, berita tentang

¹⁴ Humām ‘Abd al-Rahmān Sa‘īd (1978), *Qawā'id al-Da'wah ila Allāh*. Amman: h. 74.

¹⁵ Ahmad Ahmad Ghallusī (1978), *al-Da'wah al-Islāmiyyah Uṣūluha wa Wasā'iluhā*. Kaherah: Maṭba'ah Nahḍah, h. 281.

wali-wali, serta peristiwa-peristiwa dalam sirah yang dibawa dalam bentuk penceritaan semata-mata bukan dalam bentuk analisis.¹⁶

Golongan ketiga mengikut ulama adalah yang menentang dan membantah. Mereka sesuai didakwahkan dengan menggunakan *uslūb mujādalah* iaitu berdialog dengan cara yang lebih baik dengan mematahkan hujah mereka, menghilangkan segala bentuk kekeliruan dan prasangka yang tertanam dalam jiwa dan pemikiran mereka melalui dalil-dalil dan hujah yang kuat berasaskan ilmu, kenyataan dan dalil-dalil ilmiah yang dapat mematahkan hujah mereka serta dapat memuaskan hati dan pemikiran mereka.

Dari paparan di atas, jelas menunjukkan bahawa *uslūb targhib* dan *tarhib* adalah sesuai untuk golongan terbanyak iaitu orang awam. Golongan ini dari sudut penentangannya tidak sampai ke peringkat menolak dan membantah sehingga terpaksa menggunakan perdebatan dan dialog, begitu juga dari sudut keilmuan dan pemikiran, mereka tidak sampai ke tahap ilmuwan, *ḥukamā* dan cendekiawan yang termasuk ke dalam golongan pemikir yang perlu di dakwahkan dengan *uslūb hikmah*.¹⁷

BENTUK-BENTUK TAGHRĪB DAN TARHĪB

Taghrīb dan *tarhīb* dalam syariah datang mengikut pelbagai keadaan, pelbagai bentuk kejiwaan, dan pelbagai sikap yang diambil. Ia datang dalam bentuk penyelesaian kepada halangan, juga bentuk berita gembira dan amaran. Ini kerana ada antara jiwa manusia yang gemar kepada kebaikan, bersegera kepada petunjuk, rindu kepada cahaya kebenaran dan kemuliaan diri serta kehidupan yang mulia berasaskan moral dan akhlak yang mulia. Dengan itu, menyebut perkara baik menyukakkannya, menyeru kepada ihsan mendorongnya dan cahaya kebenaran memanaskan jiwanya. Ada pula di kalangan manusia, kalangan yang termengah-mengah kerana mengejar syahwat, berlari mengejar kebendaan dan amat gemar kepada kemungkaran. Jiwa begini perlu dikejutkan dengan *tarhīb*, disekat dengan amaran serta diperingatkan dengan perkara yang menakutkan mereka terhadap akibat daripada perbuatan yang dilakukan mereka. Justeru itu, didapati antara nama al-Qur'an ialah *Mathāni* sebagaimana yang difirmankan Allah:

¹⁶ Humām ‘Abd al-Rahīm Sa‘id, *op.cit*, h. 74.

¹⁷ Ibn Rusyd, Abū al-Walid Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Rusyd, (1972), *Faṣl al-Maqāl, fima Bayn al-Hikmah wa al-Syari‘ah min al-Ittiṣāl*, tahqiq Muḥammad ‘Imarah. Kaherah: Dār al-Ma‘arif, h. 30.

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَبًا مُّتَشَبِّهًا مَّثَانِي

Maksudnya: “Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu al-Quran yang bersesuaian isi kandungannya antara satu dengan yang lain.” (al-Zumar, 39: 23)

Ibn Kathir telah menghuraikan erti “*mathāni*” dalam ayat di atas dengan mengatakan:

“Sesungguhnya susunan al-Qur'an kadang-kadang datang dalam bentuk satu makna, kerana kedua-duanya adalah ayat *mutasyābih*, kadang-kadang dengan menyebut sesuatu serta lawannya seperti menyebut orang mukmin kemudian menyebut orang kafir, sifat syurga kemudian menyebut sifat neraka dan seumpamanya, maka inilah dia *mathāni* seperti firman Allah SWT:

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿١﴾ وَإِنَّ الْفُجَارَ لَفِي حَيَّمٍ

semua susunan yang begini adalah merupakan “*mathāni*” iaitu dalam dua pengertian.”¹⁸

Taghrīb dan *tarhīb*, *tabsyīr* dan *indhār* adalah merupakan peranan asasi para rasul dalam menjalankan tugas dakwah kepada manusia. Peranan ini dinyatakan oleh Allah dengan jelas dalam surah-surah *al-Nisa'* (4): 165, *al-Ahzab* (33): 45, *Saba'* (34): 28.

Dalam al-Qur'an terdapat amat banyak ayat yang menggemarkan kepada menerima kebenaran serta menyahut seruan dakwah; di samping menggerunkan terhadap kekufturan dan akibat darinya. Begitu juga dengan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Uslub targhib datang dalam pelbagai bentuk, antaranya dengan menggesa dan mendorong supaya melakukan ibadat serta kasihkan sifat-sifat kemanusiaan kerana ibadat merupakan sebab utama penciptaan manusia. Ibadat menghalang sifat keji dan mungkar serta mendidik jiwa manusia ke arah akhlak mulia juga menjadi benteng kepada gangguan syaitan. Hal ini dinyatakan oleh Allah dalam banyak ayat, antaranya melalui surah-surah *al-Ankabūt* (29): 45, *al-Baqarah* (2): 182 & 198, *al-Dhāriyāt* (51): 56, *al-Tawbah* (9): 103 dan *al-A'rāf* (7): 14-17.

¹⁸ Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathir, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, juz 4, h. 51.

Menyatakan nikmat yang dikecapi manusia di dunia dengan berbagai kebaikan dan hidayah adalah dengan tujuan supaya mereka *istiqāmah* di atas perintah Allah dengan mengikuti garis panduan serta ajaranNya. Perkara ini banyak disebut dalam al-Qur'an seperti dalam surah-surah *al-Nahl* (16): 30 & 97, *al-Jinn* (72): 16, *al-Mā'idah* (5): 66.

Kadang-kadang ia datang dalam bentuk menyatakan apa yang dicapai oleh mereka dari kemenangan dan kejayaan dalam hidup dunia, melahirkan kebanggan jiwa dan kemuliaan diri mengatasi godaan nafsu syahwat, dan menolak cara hidup yang tidak berasaskan nilai dan perilaku kemanusiaan yang berteraskan wahyu sebagaimana dinyatakan Allah melalui surah-surah *al-Nūr* (24): 55, *al-Munāfiqūn* (63): 8, *al-Ahzāb* (33): 27 dan *al-Mujādalah* (58): 21.

Ustūb ini juga datang dalam bentuk membentangkan apa yang mereka rasakan dalam kehidupan ini dari keamanan, keselamatan dan ketenangan hidup seperti yang tertera dalam surah *Qurasy* (106): 3-6, dan surah *Maryam* (19): 96.

Antara bentuk *targhib* juga ialah mengingatkan individu dan umat kepada generasi lampau mereka yang soleh yang telah menjulang mercu agama dan ilmu, menyebarkan panji keadilan dan kemerdekaan di samping menghancurkan kezaliman dan kejahatan. Ingatan ini menjadikan mereka merasa malu terhadap kekurangan serta kecuaian mereka. Ini kerana mereka tidak mampu berseiring dengan generasi awal tersebut dan ini menyebabkan timbul rasa menyesal dalam jiwa mereka. Keadaan ini mungkin menjadikan mereka bangkit dan berusaha untuk menyerupai dan menempatkan diri ke dalam kelompok yang mulia itu. Keadaan ini juga dapat menjadikan mereka berusaha membuang akhlak, adat, kata-kata dan perbuatan yang buruk serta merasa malu kerana mundur di belakang umat lain selepas dahulunya berada di hadapan mereka.

Tarhib pula biasanya datang dalam bentuk mengalihkan perhatian kepada akhirat dengan dorongan mengutamakan kehidupan yang kekal ke atas kehidupan yang fana ini. Dorongan begini perlu dilakukan kerana terdapat kalangan manusia yang jiwanya tergoda dengan harta benda dunia dan syahwat sehingga meninggalkan amalan-amalan dan perbuatan baik. Keadaan ini menyebabkannya mereka terjatuh ke dalam lumpur kezaliman dan kejahatan sehingga memusnahkan segala kebaikan mereka, hanya kerana mereka ingin mendapatkan sesuatu yang tidak berharga dan sanggup menukar kesesatan dengan petunjuk. Firman Allah SWT:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرُثِيَا الْكِتَبَ يَأْخُذُونَ عَرْضَ هَنْدَا الْأَدَنِي وَيَقُولُونَ
 سَيَغْفِرُ لَنَا وَإِنْ يَأْتِنَا عَرْضٌ مُّتَلِّهٌ يَأْخُذُوهُ الْمُرْءُ يُؤْخَذُ عَلَيْهِمْ مِّيقَاتُ الْكِتَبِ
 أَنْ لَا يَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ وَدَرَسُوا مَا فِيهِ وَالْدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِلْمُذْبِرِ
يَتَقَوَّنُ أَفَلَا تَعْقِلُونَ



Maksudnya: “Maka mereka kemudiannya digantikan oleh keturunan-keturunan yang jahat yang mewarisi kitab Taurat. Mereka mengambil keadaan yang hina di dunia ini sambil berkata ‘akan diampunkan kelak dosa kami.’” Pada hal jika datang kepada mereka kebendaan (yang hina) seperti itu, mereka akan mengambilnya lagi. Bukankah telah diambil perjanjian setia daripada mereka di dalam kitab Taurat bahawa mereka tidak memperkatakan terhadap Allah melainkan yang benar? Dan mereka pula telah mempelajari apa yang terkandung di dalamnya? Dan (juga mereka mengetahui bahawa) negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Tidakkah kamu mahu mengerti?” (al-A‘raf, 7: 169)

Dalam menghuraikan maksud ayat di atas, Syed Qutb menyatakan bahawa ayat ini menyifatkan golongan Yahudi yang datang kemudian selepas generasi awal dari kalangan kaum Musa, bahawa mereka mewarisi kitab Tawrat dan mempelajarinya, namun mereka tidak membentuk diri mereka mengikut petunjuknya. Ajaran itu tidak dapat mempengaruhi hati serta membentuk perilaku mereka.... keadaan akidah mereka juga bertukar menjadi ilmu pengetahuan yang dipelajari dan dihafal..., setiap kali mereka melihat mata benda dunia mereka mempermudah serta memandang lekeh terhadap akidah, kemudian mereka membuat takwilan dengan mengatakan: “Kita akan diampunkan.” Begitulah setiap kali ditunjukkan kepada mereka kesenangan dunia yang baru maka mereka akan membohongi agamanya semula, sedangkan mereka telah diambil perjanjian oleh Allah dalam kitab agar tidak memesongkan dan tidak membuat helah ke atas ayat-ayat Allah serta tidak menyatakan tentang Allah kecuali dengan benar.¹⁹

¹⁹ Syed Quṭb (1973), *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Syurūq, juz 4, h. 1387.

Meskipun ayat di atas menceritakan sikap orang Yahudi terhadap kitab mereka namun para ulama membuat suatu kaedah yang menyebut bahawa “pengajaran diambil dari kenyataan umum bukan berdasarkan sebab tertentu”, dengan maksud walau pun ianya menyentuh orang Yahudi tetapi maksudnya memberi peringatan terhadap orang Islam agar tidak mengamalkan sikap yang sama terhadap kitab suci al-Qur'an dan terhadap Allah.

Dengan itu menjadi kewajipan kepada pendakwah untuk memperingatkan manusia dari terpedaya dengan dunia dan terikut-ikut dengan keinginan nafsu yang bergelora. Al-Qur'an telah mengingatkan perkara ini melalui ayat yang banyak, antaranya dalam surah *Yūnus* (10): 24, *al-Hadīd* (52): 20.

Tarhīb kadang-kadang datang dalam bentuk memberi ingatan tentang kemurkaan dan kemarahan Allah dengan menyebut ayat-ayat al-Qur'an yang menakutkan mereka yang melakukan tegahan, yang menderhaka, yang fasiq, dan yang sompong. Hal ini diperingatkan melalui banyak ayat al-Qur'an, antaranya dalam surah *al-Zukhruf* (43): 55, *al-A'rāf* (7): 166, *al-Nisā'* (4): 55, dan *al-Ma'idah* (5): 60.

Antara *uslūb tarhīb* juga ialah menimbulkan rasa kegerunan dalam jiwa manusia apabila hati mereka tersebut, fitrah dan mereka rosak hati mereka tertutup yang menjadikannya payah untuk dimasuki cahaya iman dan kebenaran. Akibat orang yang ditimpah keadaan ini ialah terkeluarnya dari jalan orang yang beriman, sebagaimana yang diperingatkan Allah dalam surah *al-Muṭaffifīn* (83): 14 bermaksud:

“Sebenarnya! (pada ayat-ayat Kami tiada cacatnya), bahkan mata hati mereka telah disaluti kekotoran (dosa) dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan!”

Sabda Rasulullah s.a.w bermaksud:

“Dibentangkan pelbagai bentuk fitnah ibarat dibentangkan tikar sekeping-sekeping, mana-mana hati yang menerima fitnah tersebut dititik padanya satu titik hitam. Mana-mana hati yang menolaknya dititik padanya satu titik putih sehingga manusia seolah-olah memiliki dua hati, satu putih seperti kapas yang tidak dapat dirosakkan oleh fitnah selagi ada langit dan bumi. Satu lagi hitam pekat seperti bekas air yang terbalik tidak mengenal makruf serta tidak mengingkari kemungkaran kecuali apa yang diingini oleh kemahuannya.”²⁰

²⁰ Muslim bin Ḥajjāj al-Qusyairī (1980), *op.cit*, kitab “al-īmān” bab 65, no hadis 144, juz 1, h. 231.

Tarhīb juga berlaku melalui cara memberi rasa takut tentang kerosakan zuriat kerana dosa dan perlakuan tidak baik akan tercurah ke dalam diri sendiri dan anak-anak. Membuat baik kepada kedua ibu bapa kita membawa kepada anak-anak kita membuat baik dan menghormati kita dan penderhakaan terhadap mereka mendorong anak-anak menjadi anak derhaka.

Firman Allah SWT:

وَلَيَخْشَى الَّذِينَ لَوْ ترْكُوا مِنْ حَلْفِهِمْ ذُرِيَّةً ضَعِيفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلَيَتَقْوَى اللَّهُ
وَلَيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya: “Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (penjaganya itu) yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenarannya).” (al-Nisa’, 4: 9)

Selain dari ayat di atas terdapat banyak ayat lain yang berkaitan dengannya antaranya dalam surah-surah *al-Tahrīm* (66): 6, *al-A'rāf* (7): 58, *'Ālī 'Imrān* (3): 34, *Maryam* (19): 28, dan *al-Tur* (52): 21.²¹

Antara *uslūb tarhīb* juga ialah menggerunkan manusia dengan perubahan keadaan dari baik kepada buruk, dari nikmat kepada kecelakaan, dari kesenangan kepada kemarau dan kekeringan. Firman Allah dalam surah Saba’;

لَقَدْ كَانَ لِسَبَبٍ فِي مَسْكِنِهِمْ إِعْيَا جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقٍ
رَيْكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بِلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غُفُورٍ ﴿١﴾ فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيِّئَاتٍ
الْعَرِمِ وَبَدَلْنَاهُمْ بِجَنَّاتِهِمْ جَنَّاتٍ ذَوَائِي أَكْلٍ حَمْطٍ وَأَثْلٍ وَشَاءُ مِنْ سِدْرٍ
قَلِيلٍ ﴿٢﴾ ذَلِكَ جَرِيَّتُهُمْ بِمَا كَفَرُوا وَهَلْ خُبْرٍ إِلَّا كُفُورٌ

²¹ Tawfiq al-Wā'il, *op.cit*, h. 199-214.

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Adalah bagi penduduk negeri Saba’ satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): makanlah dari rezeki pemberian tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Amat Pengampun. Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon bidara. Demikianlah Kami membalaas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang yang sangat kufur.” (Saba’, 34: 15-17).

Kedua-dua *uslūb* ini perlu diseimbangkan supaya perasaan gerun bercampur pengharapan dalam erti gerun dan takut tidak terlalu menguasainya sehingga ke peringkat putus asa terhadap pertolongan Allah, juga tidak terlalu dikuasai oleh pengharapan dan keinginan yang berlebihan sehingga terasa selesa dari ditimpa balasan buruk Allah. Dengan itu Abu Bakr al-Siddiq dalam wasiatnya kepada ‘Umar Ibn al-Khattab ketika menyerahkan pelantikan ‘Umar sebagai khalifah selepasnya, mengatakan:

“Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan penggemaran (*targhib*) dan penggerunan (*tarhīb*) agar orang mukmin berkeinginan lalu melakukan amal, dan merasa gerun sehingga dia tidak mencampakkan dirinya ke dalam kebinasaan.”²²

Meskipun keseimbangan dituntut, tetapi dalam keutamaan antara keduanya maka hendaklah didahului penggemaran dari penggerunan. Mendahului berita gembira dari amaran adalah *manhaj* yang diikuti oleh al-Qur'an dan oleh Nabi s.a.w dalam mengajak manusia kepada kebaikan.²³

²² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *op.cit*, h. 11-12.

²³ Jum'ah Amin 'Abd al-'Azīz (1989), *al-Da'wah: Qawā'id wa Uṣūl*, cet ke 2, Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, h. 208-210

BEBERAPA CONTOH AL-QUR'AN KEPADA USLŪB TARGHĪB DAN TARHĪB

Untuk melihat contoh al-Qur'an kepada kedua-dua *uslūb* di atas, maka di sini dibawakan ayat-ayat yang berkaitan dengannya dari surah al-An'am. Dalam surah ini terdapat banyak ayat yang berbentuk *targhīb* dan *tarhīb*, antaranya ayat-ayat 6, 10, 48 & 49, dan 160.

Dalam ayat 6, Allah SWT berfirman:

أَلَمْ يَرَوْا كُمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ مَكْنِسْتُهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمْكِنْ
لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا الْسَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ
فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنَانِ أَخْرَيْنَ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Tidakkah engkau memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, pada hal (umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan ke atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka umat yang lain."

Ayat ini mengandungi amaran dan berita gembira. Yang dimaksudkan dengan amaran ialah peringatan Allah untuk menghapuskan umat yang tidak beriman serta menderhaka kepadaNya dan menggantikan dengan umat lain yang tunduk patuh menjalankan kehidupan berdasarkan 'ubudiyyah terhadapNya. Allah menjelaskan bahawa hal ini mudah sahaja bagiNya kerana Dia merupakan Pencipta dan Pemilik kepada alam ini. Sebagai buktinya, Allah telah bertanya tidakkah mereka mendengar berita atau melihat kesan peninggalan banyak umat sebelum mereka yang telah Allah perkukuhkan kedudukannya di dunia dengan memberikan mereka segala kemudahan iaitu kekuatan, pangkat, anak pinak, tanah yang subur dengan tanaman dan sungai-sungai, lebih hebat dari apa yang ada pada kamu, namun mereka telah kufur terhadap Allah lalu dibinasakan dengan sebab kekufuran tersebut. Ini merupakan amaran dari Allah terhadap mereka yang kufur dan engkar bahawa mereka akan ditimpah kebinasaan, sebagaimana yang telah ditimpakan kepada

umat terdahulu sekiranya mereka terus berkekalan dalam keadaan kufur.²⁴ Ia juga merupakan berita gembira dan *targhib* kepada orang beriman bahawa Allah akan melimpahkan kesenangan kepada mereka dalam kehidupan dunia sekiranya terus mereka kekal beriman dan bertakwa kepada Allah, sebagaimana yang ditegaskanNya dalam surah *al-A'raf* (7): 96 bermaksud:

“Kalau sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi.”

Dalam ayat 10 & 11, Allah berfirman;

وَلَقَدِ آتَيْنَا رِسُولِنَا مِنْ قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالظَّالِمِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا
بِهِ يَسْتَهِزُونَ ﴿١٠﴾ قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ انْظُرُوهُ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya telah diperolokkan beberapa rasul sebelum mu, lalu orang yang mengejek-ngejek antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang telah mereka perolok-lokkan itu. Katakanlah (wahai Muhammad s.a.w), “mengembarlah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul) itu.”

Dalam ayat ini Allah telah memberikan peringatan dan amaran kepada mereka yang mempermainkan Rasulullah s.a.w serta ajaran yang dibawanya agar beringat tentang tindakan Allah terhadap mereka kerana Baginda membawa ajaran yang benar. Allah menjelaskan bahawa umat dahulu yang telah diutuskan rasul-rasul kepada mereka, lalu mereka mempersendakan utusan Allah tersebut. Akibatnya mereka telah ditimpa azab yang menyakitkan.

²⁴ Muḥammad bin ‘Alī al-Syawkānī (1964), *Fath al-Qadīr al-Jāmi’ Bayn Fann al-Riwayāt wa al-Dirāyat min ‘Ilm al-Tafsīr*, Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, juz 2, h. 100-101; Muḥammad bin Muḥammad al-Amādī terkenal dengan panggilan Abu al-Sa‘ūd (1994), *Irsyād al-‘Aql al-Salīm ila Mazāyā al-Qur’ān al-Karīm*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, juz 3, h. 110-111; Ibn Kathir, *op.cit.*, juz 2, h. 135; Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī (1981), *Ṣafwat al-Tafāsīr*, cet ke 5, Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm, juz 1, h. 379-380.

Kemudian Allah meminta Nabi Muhammad s.a.w menyatakan kepada umatnya yang mempersendakannya dan ajaran yang dibawanya agar mengembara di bumi dan memerhati apakah bentuk azab dan tindakan Allah yang telah menimpa mereka yang kufur agar mereka mendapat pengajaran daripadanya. Ayat ini, meskipun merupakan ugutan dan amaran supaya tidak mempersendakan Rasul dan ajaran yang dibawanya, ia juga merupakan penghibur dan pengubat duka kepada Rasul serta orang-orang yang beriman dengan kemenangan dan kesudahan yang baik di dunia dan akhirat.²⁵

Dalam ayat 48 & 49 Allah SWT berfirman:

وَمَا نُرِسِّلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ﴿٤٨﴾ فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٤٩﴾ وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِغَايَتِنَا يَمْسَهُمُ الْعَذَابُ بِمَا كَانُوا
يَفْسُقُونَ

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami utuskan rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa berita amaran, kemudian sesiapa beriman dan beramal soleh, maka tidak ada keimbangan (dari berlaku kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berduakacita. Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka akan dikenakan dengan azab seksa dengan sebab mereka berlaku fasiq.”

Ayat ini menjelaskan tujuan diutuskan rasul-rasul serta tugas mereka iaitu memberikan berita gembira kepada orang yang beriman dengan rasul serta sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan amalan baik mereka dengan amalan-amalan kebaikan yang banyak dan yang di janjikan dengan ganjaran yang besar. Di samping itu, ia memberikan peringatan kepada yang kufur dengan azab pembalasan yang pedih kerana mereka telah kufur dan keluar dari ketaatan terhadap Allah SWT.²⁶

²⁵ Ibn Kathīr, *op.cit*, juz 2, h. 135-136; Abū al-Sa‘ūd, *op.cit*, juz 3, h. 114; Al-Šābūnī, *op.cit*, juz 1, h. 380-381.

²⁶ Al-Syawkānī, *op.cit*, juz 2, h. 115-116; Ibn Kathīr, *op.cit*, juz 2, h. 134; Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī, *op.cit*, juz 1, h. 391.

Dalam ayat 160 Allah berfirman:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُحْجِزَ إِلَّا مِثْلَهَا
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ١٦٠

Maksudnya: "Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahanan, maka dia tidak dibalas melainkan (kejahanan) yang sama dengannya; sedangkan mereka tidak dianaya (sedikit pun)."

Dalam ayat ini Allah menggalakkan manusia (yang beriman) membuat kebaikan yang lebih kerana setiap kebaikan akan diberikan balasan berganda. Satu kebaikan dibalas dengan ganjaran sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama, sedangkan satu kejahanan akan dibalas seumpamanya tanpa digandakan. Ini merupakan galakan dari Allah SWT agar manusia membuat kebijakan dan kebaikan serta amal soleh. Ayat ini juga menunjukkan keluasan rahmat Allah SWT. Tambahan ganjaran di atas kebaikan adalah merupakan kurniaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT sedangkan balasan dalam bentuk setara dalam perkara kejahanan adalah merupakan keadilan Allah SWT.²⁷

KESIMPULAN

Dari perbincangan serta contoh yang dibawa di atas, jelas memperlihatkan bahawa *uslūb targhib* (penggemaran ke arah melakukan kebaikan) dan *tarḥīb* (peringatan dan penggerunan dari menyalahi tuntutan agama) adalah merupakan antara pendekatan penyampaian dakwah berkesan yang diajar dan dianjurkan oleh al-Qur'an serta dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w serta sahabatnya dalam penyampaian dakwah mereka. *Uslūb* ini perlu digunakan oleh pendakwah dalam mendakwahkan sasarannya terutama kepada sasaran awam dari kalangan *ummāt al-ijābah*, iaitu umat yang berpotensi untuk menerima dakwah. Ia merupakan pendekatan yang berkesan dalam menarik sasaran kepada Islam terutama di kalangan orang awam. Pendekatan ini juga merupakan pendekatan yang berjaya dalam mengubati persoalan kejiwaan manusia kerana ianya merupakan pendekatan yang diajar oleh Allah kepada RasulNya dalam al-Qur'an, yang mana Allah Amat Mengetahui dengan

²⁷ Muhammad 'Alī al-Šābūnī, *op.cit*, juz 1, h. 431.

Pendekatan *Taghrīb* dan *Tarhīb* Dalam Penyampaian Dakwah

kekuatan dan kelemahan ciptaanNya. Ia merupakan pendekatan yang memang ternyata kejayaannya sebagaimana yang dapat dilihat dalam kejayaan Rasulullah, sahabat dan pendakwah-pendakwah selepas mereka dalam menarik sasaran kepada menerima Islam sebagai anutan serta dalam penghayatannya.

Bibliografi

- Abū al-Sa‘ūd, Muḥammad bin Muḥammad al-Amadī (1994), *Irsyād al-‘Aql al-Salīm ila Mazāyā al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad (1971), *al-Iqtiṣād fī al-Itiqād*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad ‘Alī Šubaiḥ wa Awlāduh.
- Al-Šābūnī, Muḥammad bin ‘Alī (1981), *Şafwat al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm.
- Al-Sywakānī, Muḥammad bin ‘Alī (1964), *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi’ Bayn Fann al-Riwāyat wa al-Dirāyat min ‘Ilm al-Tafsīr*. Mesir: Maktabah wa Maṭba‘at Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh.
- Al-Wā‘ī, Tawfiq (1986), *al-Da‘wah Ila Allāh, al-Risālah, al-Wasiyah al-Hasad*. Kuwait.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf bin ‘Abd Allāh (1993), *al-Muntaqa min Kitāb al-Taghrīb wa al-Tarhīb li al-Minzirī*. Kaherah: Dār al-Wafa’.
- Fakhr al-Rāzī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar b. Ḥusayn al-Qurasyī al-Tabaristānī (t.t.), *Tafsīr al-Kabīr*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Bahiyyah.
- Għallusī, Aħmad Aħmad (1978), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah Uṣuluha wa Wasā’iluhā*. Kaherah: Maṭba‘ah Nahdha.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr (1986), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aħmad bin Muḥammad bin Rusyd (1972), *Faṣl al-Maqāl fima Bayn al-Ḥikmah wa al-Syari‘ah min al-Ittiṣāl*, tahqiq oleh Muḥammad ‘Imārah. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Jum‘ah Amin ‘Abd al-‘Azīz (1989), *al-Da‘wah Qawā'id wa Uṣūl*, cet ke 2. Iskandariyyah: Dār al-Da‘wah.

- Muhammad Khayr Ramaḍān Yūsuf (1414H), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah: al-Wasā’il wa al-Asālib*. Riyād: Dār al-Tuwā‘iq.
- Al-Mursyid, ‘Alī bin Ṣalīḥ (1989), *Mustalzamāt al-Da‘wah fi ‘Aṣr al-Hādīth*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Ḥijr.
- Muslim bin Ḥajjāj al-Qusyayrī (1980), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Saudi: Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irsyād.
- Sa‘īd, Humām ‘Abd al-Rahmān (1978), *Qawā‘id al-Da‘wah ila Allāh*, Amman.
- Syaqrah, Syaikh Muhammad Ibrāhīm (1983), *Rakā‘iz al-Da‘wah fi al-Qur’ān*, Ammān.
- Syed Qutb (1973), *Fi Zilāl al-Qur’ān*. Beirut, Dār al-Syurūq.
- ‘Ulwān, ‘Abd Allāh Nāṣih (1986), *Kayfa Yad‘ū al-Dā‘iyah*. Beirut: Dār al-Salām.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1967), *Uṣūl al-Da‘wah*. Baghdad: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah.